

**TEKS UCAPAN**  
**YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MAJLIS PERASMIAN BILIK LAKTASI MPSP**  
**24 OKTOBER 2012 ( RABU )**  
**JAM 2.30 PETANG**  
**AUDITORIUM IBU PEJABAT MPSP**

---

**Yang Dihormati Cik Tan Xin Ying**

Ahli Majlis MPSP

Merangkap Pengerusi Pasukan Wanita LA 21 Kecemerlangan Wanita

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran, Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Dihormati Pn. Hajjah Che Limah bt Ujang**

Naib Pengerusi PUSPANITA MPSP

**Yang Dihormati Dr. Balkees binti Abdul Majeed**

*Peditration and Lactation Consultant*

World Alliance for Breastfeeding Action (WABA)

**Yang Dihormati Ms Jennifer**

Wakil World Alliance for Breastfeeding Action (WABA)

Ketua-Ketua Jabatan

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian

.....

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, suka saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana di atas limpah kurnia-Nya telah mengizinkan kita bersama-sama untuk merasmikan Bilik Laktasi MPSP pada hari ini.

Dalam kesibukan gaya hidup masa kini, ramai ibu yang bekerja menghadapi masalah dalam menyusukan bayi mereka. Menurut Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan Ketiga di Malaysia pada tahun 2006, peratusan ibu yang menyusukan bayi bagi sesuatu tempoh adalah 94.7%. Walaupun ini merupakan suatu kadar yang tinggi, malangnya hanya 14.5% menyusui bayi mereka secara eksklusif selama enam bulan pertama. Ini adalah di antara kadar yang paling rendah di rantau Asia Tenggara.

Kadar penyusuan secara eksklusif adalah tinggi pada dua bulan pertama, iaitu melangkaui 40%, tetapi menurun dengan mendadak selepas bayi berumur dua bulan. Menurut kajian yang sama, lebih separuh daripada bayi tersebut diberi rumusan bayi dan bijirin.

Menurut Kajian daripada Hospital Universiti Sains Malaysia, Penyusuan susu ibu perlu diberikan secara eksklusif, kerana bayi akan memperoleh kebaikan yang banyak, jika dia disusui secara eksklusif. Penyusuan susu ibu secara eksklusif bermaksud, bayi hanya diberikan susu ibu dalam masa enam bulan

pertama selepas kelahirannya. Tiada makanan atau minuman lain diberikan pada bayi dalam tempoh tersebut. Makanan pelengkap hanya dimulakan setelah bayi berumur enam bulan dan ke atas. Penyusuan hendaklah diteruskan sehingga bayi berumur dua tahun.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan,

Susu ibu merupakan makanan terbaik untuk bayi kerana ia mengandungi kesemua nutrien yang diperlukan untuk tumbesaran dan perkembangan otak bayi, mudah hadam dan susu ibu sentiasa tersedia pada suhu yang tetap. Disamping itu, bayi yang menyusu susu ibu sepenuhnya dari lahir sehingga 6 bulan yang pertama mempunyai tumbesaran yang baik dan sihat berbanding bayi yang tidak diberi susu ibu.

Susu ibu adalah lebih selamat dan mengandungi kesemua nutrisi yang diperlukan oleh bayi-bayi yang sihat, termasuklah 160 asid lemak yang tidak didapati di dalam formula bayi. Susu ibu juga amat penting sebagai ‘imunisasi pertama’ bayi. Secara keseluruhan, nutrisi-nutrisi penting ini yang diberikan ketika bayi masih kecil membantu memberikan kesan jangka masa panjang terhadap perkembangan dan masa hadapan kanak-kanak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Bilik Laktasi MPSP merupakan bilik laktasi kedua yang disediakan di bangunan kerajaan di Negeri Pulau Pinang. Pada 1 Disember 2011 yang lalu, Y.A.B Ketua Menteri Pulau Pinang telah melancarkan bilik laktasi yang pertama di Komtar.

Kekurangan kemudahan serta sokongan penyusuan susu ibu di tempat kerja seperti ketiadaan peruntukan bagi waktu kerja anjal, ketiadaan bilik dan kemudahan perahan susu, ataupun ketiadaan kumpulan sokongan penyusuan susu ibu di tempat kerja juga menyukarkan ibu-ibu untuk meneruskan penyusuan selepas kembali bekerja.

Oleh itu, MPSP telah mengambil inisiatif untuk menyediakan satu bilik laktasi kepada kaum ibu yang bekerja di MPSP dengan tujuan untuk menggalakkan penyusuan susu ibu yang eksklusif kepada bayi dapat diteruskan. MPSP begitu prihatin dalam menyediakan prasarana dan kemudahan kepada kakitangan dan pelanggan khasnya, adalah diharapkan dengan kewujudan bilik laktasi ini dapat memberi kemudahan kepada hampir 40% @ 160 orang kakitangan wanita MPSP dan juga pelanggan. Sejajar dengan tagline MPSP bagi tahun 2012 “Kemampanan Adalah Komitmen Kami” (*Sustainability is Our Commitment*), penyediaan bilik laktasi ini juga merupakan pendokong bagi mewujudkan keluarga yang “mampan” seiring dengan kemajuan organisasi MPSP. Adalah diharapkan semua kakitangan wanita dapat menggunakan bilik laktasi ini dengan sebaik mungkin kelak.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Untuk makluman semua, pencetus idea bagi penubuhan bilik laktasi MPSP ini adalah hasil kerjasama Ms Tan Xin Ying, Ahli Majlis MPSP Merangkap Pengerusi Pasukan Wanita LA 21 Kecemerlangan Wanita dan Dr.Balkees binti Abdul Majeed, Peditration & Lactation Consultant dan pihak World Alliance for Breastfeeding Action (WABA). Dengan kos pembinaan sebanyak RM 9,000.00,

bilik laktasi telah siap dibina dengan fasiliti yang disediakan seperti peti sejuk beku, ruang yang selesa dan info berkaitan penyusuan susu ibu. Masa yang diambil untuk menyiapkan bilik laktasi ini adalah selama 3 minggu yang mana telah mendapat komitmen yang tinggi daripada pihak pengurusan MPSP, Cik Tan Xin Ying sebagai pencetus idea utama dan juga PUSPANITA MPSP. Untuk makluman hadirin sekalian, spesifikasi dan audit berkala bilik laktasi MPSP telah diadakan oleh pihak World Alliance for Breastfeeding Action bagi memastikan kemudahan dan fasiliti adalah dalam keadaan baik. Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Cik Tan Xin Ying Ahli Majlis MPSP, Dr.Balkees bt Abdul Majeed Peditrition & Lactation Consultant, pihak World Alliance for Breastfeeding Action (WABA), PUSPANITA MPSP dan semua pihak yang menjayakan penubuhan bilik laktasi ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir sekali saya ingin memberitahu bahawa penyusuan susu ibu memberikan seribu kebaikan kepada bayi dan ibu. Kesan baik ini bukan hanya dirasai ketika bayi masih kecil, namun ianya berkekalan di sepanjang hayatnya yang meliputi kesan terhadap perkembangan fizikal, mental, emosi, dan juga pembentukan peribadi seorang anak. Oleh itu, saya amat menggalakkan ibu-ibu di MPSP untuk menyusukan susu ibu kepada bayi-bayi anda.

Akhir kata, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, sukacitanya saya merasmikan Bilik Laktasi MPSP.